



**ATURAN
KUMPULAN
WANG KHAIRAT
KEMATIAN**

KOPERASI UNIVERSITI TEKNOLOGI MALAYSIA BERHAD

ATURAN KUMPULAN WANG KHAIRAT KEMATIAN


| | | |
|--------------------|---|---|
| Tajuk | 1 | <ul style="list-style-type: none">i. Aturan ini adalah dinamakan “Kumpulan Wang Khairat Kematian” Koperasi Universiti Teknologi Malaysia Berhad (KUTMB).ii. Aturan ini diwujudkan dibawah Undang-Undang Kecil 45(2)(w) dan berkuatkuasa selepas persetujuan mesyuarat agung perwakilan koperasi ini. |
| Tafsiran | 2 | <p>Di dalam aturan ini, melainkan ada sesuatu perkara atau perkataan yang berlainan maknanya. Maka tafsiran berikut adalah dipakai:-</p> <p>“Koperasi” bermaksud Koperasi Universiti Teknologi Malaysia Berhad.</p> <p>“Anggota” bermaksud anggota Koperasi Universiti Teknologi Malaysia Berhad.</p> <p>“Waris” bagi anggota status berkahwin ialah suami atau isteri atau anak. bagi anggota status bujang ialah ayah atau ibu atau waris terdekat atau penama.</p> <p>“Lembaga” bermaksud Lembaga Koperasi Universiti Teknologi Malaysia Berhad.</p> |
| Tujuan | 3 | Kumpulan Wang Khairat Kematian ini diwujudkan ialah sebagai sumbangan mengurus kematian anggota kepada warisnya. |
| Sumber Kewangan | 4 | Sumber kewangan bagi tabung khairat kematian ini adalah daripada:- <ul style="list-style-type: none">i. Tidak lebih 10% dari untung bersih teraudit koperasi dan;ii. Derma dan sumbangan yang diterima khas untuk Kumpulan Wang Khairat Kematian ini. |
| Pentadbiran Tabung | 5 | Kumpulan Wang Khairat Kematian ini hendaklah ditadbir atau diuruskan oleh Jawatankuasa Kecil Kumpulan Wang Khairat Kematian yang dilantik oleh Lembaga koperasi ini di bawah Undang-Undang Kecil 45(2)(v). |
| Kelayakan | 6 | Waris kepada anggota koperasi yang telah diterima keanggotaannya adalah layak untuk menerima daripada Kumpulan Wang Khairat Kematian ini. |

| | | |
|---------------------------------|----|--|
| Permohonan | 7 | <ul style="list-style-type: none"> i. Semua permohonan untuk mendapatkan bantuan derma dari Kumpulan Wang Khairat Kematian ini hendaklah dibuat didalam borang yang disediakan oleh koperasi. ii. Permohonan tersebut hendaklah disertakan bersama dokumen–dokumen yang mengesahkannya. |
| Sumbangan | 8 | Sumbangan kepada anggota yang layak adalah sebanyak RM 1,000.00. |
| Proses Permohonan | 9 | <ul style="list-style-type: none"> i. Borang permohonan beserta dokumen-dokumen yang mengesahkannya hendaklah diproses oleh Jawatankuasa Kecil Kumpulan Wang Khairat Kematian ini. ii. Jawatankuasa Kecil ini hendaklah menentukan permohonan tersebut dibuat mengikut kehendak dan syarat–syarat dalam aturan ini sebelum diperakukan oleh Lembaga. |
| Pembayaran | 10 | Semua pembayaran hendaklah dibuat melalui cek atau pindahan wang ke dalam akaun bank pemohon. |
| Penggantungan Derma | 11 | <ul style="list-style-type: none"> i. Jika kedudukan Kumpulan Wang Khairat Kematian ini mengalami kesulitan kewangan, maka Lembaga hendaklah menggantung aktiviti–nya sehingga kesulitan kewangan itu dapat dipulihkan semula. ii. Anggota–anggota koperasi hendaklah diberitahu melalui surat pekeliling mengenai penggantungan atau pemulihan semula Kumpulan Wang Khairat Kematian ini. |
| Makluman Kepada Mesyuarat Agung | 12 | Lembaga hendaklah membentangkan di dalam mesyuarat agung laporan–laporan mengenai aktiviti–aktiviti Kumpulan Wang Khairat Kematian ini serta membuat cadangan–cadangan bagi mengimprovasikannya. |
| Pertikaian | 13 | Jika terdapat isu yang berbangkit sebarang perselisihan faham di atas tafsiran aturan–aturan ini atau timbul apa–apa perbalahan mengenainya, maka pertikaian itu hendaklah dirujuk kepada Ketua Pendaftar mengikut Undang–Undang Kecil koperasi ini. |


Aturan Kumpulan Wang Khairat Kematian ini telah diluluskan pada Mesyuarat Agung Perwakilan pada 23 Jun 2013 bertempat di Dewan Senat, Universiti Teknologi Malaysia, Skudai, Johor.



HAJI MUSLIM BIN JONID
Pengerusi



NGATANAN BIN SARMAN
Setiausaha



HAJI ABDUL RASHID BIN ARIS
Bendahari